

PM sahkan kemungkinan

BH 10 APR 2001

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan kerajaan sedang menimbangkan untuk memisahkan operasi antarabangsa dan domestik Penerbangan Malaysia (MAS) dalam usaha meningkatkan keupayaan operasi syarikat penerbangan kebangsaan itu.

Perdana Menteri berkata, langkah berkenaan dilihat sebagai salah satu cara yang mungkin diambil kerajaan bagi membaik pulih operasi MAS.

Disember lalu, kerajaan

mengambilalih semula 29.09 peratus kepentingan MAS daripada Naluri Bhd, milik Tan Sri Tajudin Ramli pada pertimbangan tunai sebanyak RM1.792 bilion atau RM8 sesaham.

"Kita sedang melihat pelbagai kemungkinan... ia adalah salah satu daripada kemungkinan itu," katanya selepas majlis pelancaran Persidangan Tahunan Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (Pata) ke-50 di Kuala Lumpur, semalam.

MAS yang mengalami

kerugian besar sejak tempoh kegawatan lalu terpaksa menyusun semula operasinya.

Kerugian yang dialami syarikat itu turut dikaitkan dengan nilai tambang domestik yang rendah, selain terpaksa menanggung kenaikan bahan api.

Bagi tahun berakhir 31 Mac 2000, MAS mencatat kerugian sebanyak RM236.889 juta berbanding RM669.735 juta.

Mengenai perkongsian strategik yang sesuai bagi MAS, Dr Mahathir berka-

ta, usaha mencari rakan kongsi itu akan diteruskan, bagaimanapun ia masih belum diputuskan lagi.

"Kami akan berusaha mendapatkan rakan kongsi yang strategik bagi MAS. Ia mungkin mengambil masa beberapa bulan," katanya sambil menambah kerajaan tidak mahu tergesa-gesa dalam membuat sebarang keputusan berhubung perkara itu.

Ditanya mengenai langkah beberapa syarikat penerbangan yang menghentikan perkhidmatan

pisah operasi MAS

penerbangan mereka ke Malaysia, beliau berkata:

"Ada tiga lapangan terbang utama yang sedang bersaing sekarang ini iaitu Bangkok, Singapura dan Kuala Lumpur.

"Sudah tentu kita mengharapkan supaya lebih banyak syarikat penerbangan memilih Kuala Lumpur sebagai laluan mereka," katanya sambil menambah walaupun demikian jumlah pengunjung bagaimanapun tidak terjejas.

Empat syarikat penerbangan antarabangsa yang

mengambil langkah menghentikan operasi mereka ke KLIA ialah Qantas dari Australia, Lufthansa (Jerman), British Airways dan All Nippon Airways.

Beliau berkata, kerajaan akan meneruskan pelbagai usaha bagi mempromosikan KLIA.

Justeru, kerajaan merancang mengadakan pertemuan dengan pengusaha penerbangan bagi rantau Asean berhubung isu berkenaan dan langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan perkhidma-

tan yang disediakan.

Mengulas kedudukan sentimen pasaran saham yang semakin lembap walaupun kerajaan sudah melaksanakan langkah strategik termasuk menyediakan pelbagai insentif bagi merangsang pasaran, Dr Mahathir berkata:

"Apa yang perlu kita buat mungkin turut disediakan insentif kepada Bursa Saham New York, kerana setiap kali bursa saham itu jatuh, bursa serantau lain akan turut terjejas."